



**GURU pendidikan khas berdepan cabaran semasa penularan pandemik Covid-19 ekoran perlu menyediakan pendidikan berkualiti bagi membolehkan murid mencapai potensi optimum. - GAMBAR HIASAN/SUMBER INTERNET**

# Norma baharu pendidikan khas

## SAUDARA PENGARANG.

**PENDIDIKAN** merupakan agenda utama bagi sesebuah negara untuk terus membangun dan mencapai kemajuan.

Ini bermakna setiap negara memerlukan sistem pendidikan yang efisien dan terbaik bagi membolehkan pelajar mendapat ilmu dan input melalui konsep Inklusif Pendidikan Untuk Semua khususnya buat golongan berkeperluan khas seperti dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Kanak-kanak tanpa mengira kaum, agama, latar belakang dan status ekonomi mempunyai hak untuk mendapat akses kepada pendidikan sempurna termasuk kanak-kanak kurang upaya.

Mereka mempunyai hak yang sama rata untuk belajar dan bermain dalam persekitaran pembelajaran dan pengajaran norma baharu tanpa halangan tidak kira di bandar mahu pun luar bandar serta perubahan teknologi dalam dunia pendidikan kini.

Begitu juga tanggungjawab digalas oleh guru pendidikan yang dilatih dengan ilmu pengetahuan dan kepakaran melalui Institut Pendidikan Guru (IPG) dan universiti awam yang sentiasa beriltizam menyediakan pendidikan berkualiti bagi membolehkan murid berkeperluan khas mencapai potensi optimum selain memaksimumkan keupayaan tenaga dan kreativiti.

Apabila dunia dilanda wabak Covid-19, pelajar terpaksa belajar secara dalam talian. Menjadi tanggungjawab ibu bapa atau penjaga membantu mengajar dan menyiapkan tugas yang diberikan agar mereka tidak tercicir dalam arus dunia

pendidikan.

Oleh kerana pelajar berkeperluan khas cenderung untuk mudah rasa jemu menyebabkan guru menggunakan kebijaksanaan dalam memastikan pembelajaran dilaksanakan secara berkesan selain menitikberatkan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) sebagai landasan utama bagi mencapai hasrat tersebut.

Namun demikian, selaras kemajuan teknologi komunikasi dan galakan yang diberikan kerajaan untuk mengapikasi sistem pembelajaran dalam talian seperti Google Meet, sidang video mahupun muzik, ada guru yang memberikan kerja rumah menerusi aplikasi Whatsapp dan Telegram manakala penghantaran serta semakan dibuat secara e-mel.

Pada masa sama, guru perlu mengambil kira kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap ibu bapa yang kehilangan sumber pendapatan agar proses pembelajaran masih dapat diteruskan termasuk menyediakan modul pembelajaran mengikut mata pelajaran dan diserahkan kepada pelajar melalui penghantaran pos.

Kesimpulannya, kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam dunia pendidikan norma baharu adalah sesuatu yang boleh ditentukan dan dihasilkan sendiri oleh guru secara fleksibel dan inovasi.

Oleh itu, guru hendaklah bijak dalam merancang dan mencipta pengajaran dan pembelajaran supaya murid dapat menguasai kemahiran secara optimum.

**ZETI ZAHARIAH MOHD. ZAHARI**  
Guru Pendidikan Khas (Pembelajaran)  
SK Pasukan Polis Hutan.